

Bab 3

KONFLIK DUNIA DAN PENDUDUKAN JEPUN DI NEGARA KITA

Arahan: Tiap-tiap soalan yang berikut diikuti oleh empat jawapan pilihan iaitu **A, B, C, dan D**. Pilihlah satu jawapan yang paling sesuai.

3.1 Nasionalisme di Negara kita sebelum Perang Dunia

(Buku Teks m.s. 52 – 53)

- 1 Enakmen Undang-Undang Islam 1904 telah diperkenalkan di Tanah Melayu. Apakah tujuan pengenalan undang-undang tersebut?

A Membendung idea gerakan Islam
B Menamatkan pengajian ke luar negara
C Menghalang pergerakan orang Melayu
D Menangkap pemimpin persatuan Melayu

(Buku Teks m.s. 52)

- 2 Tok Janggut telah menentang British di Pasir Puteh, Kelantan.

Apakah faktor yang mempengaruhi tokoh tersebut bertindak demikian?

A Perjuangan Jose Rizal
B Gerakan Revolusi India
C Gerakan Pan-Islamisme
D Semangat bushido Jepun

(Buku Teks m.s. 52)

- 3 Mengapakah kesedaran kebangsaan di Tanah Melayu tidak meluas sebelum Perang Dunia Kedua?

A Kewujudan undang-undang
B Kemelesetan ekonomi dunia
C Ketiadaan pemimpin tempatan
D Kelemahan sistem pengangkutan

(Buku Teks m.s. 53)

- 4 Akhbar Melayu berikut menyiarkan 'Cerita Tekukur' pada tahun 1920.

- Utusan Melayu
- Lembaga Melayu
- Lidah Teruna

Apakah mesej cerita tersebut?

A Perjuangan persatuan
B Politik kemerdekaan
C Budaya masyarakat
D Kebajikan rakyat

(Buku Teks m.s. 53)

3.2 Latar Belakang Perang Dunia

(Buku Teks m.s. 54 – 57)

- 5 Situasi berikut berlaku di Eropah.



Apakah kesan daripada situasi tersebut?

A Perang Dingin
B Perang Dunia Pertama
C Penubuhan Liga Bangsa
D Pembentukan Blok Dunia

(Buku Teks m.s. 54)

- 6 Perang Dunia Pertama telah tercetus pada tahun 1914.

Apakah faktor pemangkin perang tersebut?

A Perluasan pengaruh Itali di Habsyah
B Perbezaan ideologi politik dan ekonomi
C Penubuhan negara blok baharu di Barat
D Pembunuhan pewaris takhta Austria-Hungary

(Buku Teks m.s. 54)

- 7 Maklumat berikut menunjukkan pakatan yang terlibat dalam Perang Dunia Pertama.

- Kuasa Tengah
- Pakatan Bertiga

Apakah matlamat pakatan tersebut?

I Menentang dasar apartheid
II Menghapuskan keganasan
III Memperluas pengaruh
IV Menguasai pasaran

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

(Buku Teks m.s. 54)

- 8 Krisis rantau Balkan menjadi penyebab Eropah terjerumus dalam Perang Dunia Pertama. Pilih pasangan yang **tepat** yang terlibat dalam krisis tersebut.

A Serbia dan Itali
B Britain dan Rusia
C Jerman dan Perancis
D Austria-Hungary dan Serbia

(Buku Teks m.s. 54)

- 9 Peristiwa berikut berkaitan dengan Perang Dunia Pertama.

Tahun	Bulan Jun 1919
Peristiwa	Persidangan Damai melahirkan Deklarasi 14 Perkara Woodrow Wilson

Apakah kesan peristiwa tersebut terhadap Eropah?

A Pertambahan negara-negara baharu
B Pengagihan wilayah berdasarkan etnik
C Pembahagian Eropah berasaskan ideologi
D Pembentukan sempadan berasaskan bangsa

(Buku Teks m.s. 56)

- 10 Maklumat berikut berkaitan dengan syarat dan terma Perjanjian Versailles terhadap Jerman.

- Membayar pampasan kepada Pakatan Bertiga
- Mengehadkan saiz angkatan tentera
- Menyerahkan wilayah dan tanah jajahan kepada Pakatan Bertiga

Mengapakah Jerman dikenakan syarat dan terma tersebut?

A Dianggap kuasa yang kuat
B Melakukan penghapusan etnik
C Menyebarkan fahaman komunis
D Dituduh memulakan peperangan

(Buku Teks m.s. 55 – 56)

- 11 Apakah kesan peperangan berikut terhadap Eropah?

Tahun	1914 – 1918
Peperangan	Perang Dunia Pertama

A Pakatan tentera dibentuk
B Pemerintahan beraja tamat
C Kerjasama ekonomi dipersetujui
D Keperluan bahan mentah meningkat

(Buku Teks m.s. 57)

- 12 Bagaimanakah pemerintahan berikut di bawah empayar Austria-Hungary berakhir?

Dinasti Habsburg

A Penamatan sistem raja berkuasa mutlak
B Pengenalan sistem raja berperlembagaan
C Perjanjian gencatan senjata ditandatangani
D Pemberontakan tercetus di wilayah jajahannya

(Buku Teks m.s. 57)

- 13 Empayar Uthmaniyah mengalami perpecahan selepas Perang Dunia Pertama.

Apakah kesan perpecahan tersebut?

A Kerjasama rakyat terjalin
B Kerajaan republik dibentuk
C Kemunculan negara baharu
D Kemerostan pengaruh komunis

(Buku Teks m.s. 57)

- 14 Apakah masalah yang dihadapi oleh negara kita selepas Perang Dunia Kedua?

I Kemakmuran ekonomi dimanipulasi
II Keselamatan negara dipertingkatkan
III Pemulihan kuasa pemimpin tempatan
IV Pengenalan pelbagai undang-undang

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

(Buku Teks m.s. 57)

3.3 Perang Dunia Kedua

(Buku Teks m.s. 58 – 63)

- 15 Perang Dunia Kedua tercetus pada tahun 1939. Apakah faktor yang mencetuskan perang tersebut?

I Kegagalan Liga Bangsa-Bangsa
II Perkembangan kuasa imperialis baharu
III Penyekatan ekonomi terhadap kuasa Jerman
IV Ketidakpuasan hati terhadap Perjanjian Versailles

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

(Buku Teks m.s. 58 – 59)

- 16 Gerakan fasisme di bawah pimpinan Benito Mussolini memberi penekanan kepada nasionalisme melampau. Mengapakah gerakan tersebut bertindak sedemikian?

A Meningkatkan imej negara
B Mengadakan sekatan ekonomi
C Memperkukuhkan sistem pertahanan
D Memajukan perdagangan antarabangsa

(Buku Teks m.s. 58)

- 17 Apakah persamaan kedua-dua gerakan politik berikut?

Gerakan Politik	Pemimpin
Fasisme	Benito Mussolini
Nazisme	Adolf Hitler

A Bersifat sederhana
B Bersikap diskriminasi
C Bencikan peperangan
D Berfahaman melampau

(Buku Teks m.s. 58)

- 18 Mengapakah pemimpin berikut mengingkari Perjanjian Versailles?



Adolf Hitler

I Kehilangan tanah jajahan
II Kekalahan dalam perang
III Gencatan senjata dilaksanakan
IV Bayaran pampasan yang tinggi
A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

(Buku Teks m.s. 58)

- 19 Bagaimanakah tokoh berikut mengembalikan semula maruah bangsa dan negaranya selepas Perang Dunia Pertama?

Negara	Pemimpin
Jerman	Adolf Hitler

A Mengadakan referendum
B Memulihkan sistem monarki
C Memperbesar angkatan tentera
D Membangunkan industri baharu

(Buku Teks m.s. 58)

- 20 Mengapakah Itali menganggap Perjanjian Versailles adalah tidak adil?

A Tidak diberikan tanah jajahan baharu
B Dikehendaki membayar pampasan perang
C Tidak dibenarkan membina angkatan tentera
D Diarah membebaskan semua tawanan perang

(Buku Teks m.s. 58)

- 21 Liga Bangsa-Bangsa gagal memastikan keamanan dunia.

Apakah bukti kegagalan tersebut?

A Tercetus krisis Albania
B Berlaku krisis Manchuria
C Kejadian Pemberontakan Paris
D Termeterai Perjanjian Versailles

(Buku Teks m.s. 59)

- 22 Gambar berikut berkaitan dengan setem pos Jerman pada tahun 1938.



Setem pos Jerman 1938 memperingati hubungan erat Hitler dan Mussolini. Slogan di atas setem membawa maksud: "Dua orang dan satu perjuangan."

Apakah slogan yang digunakan dalam setem tersebut?

A Persepakatan dua kuasa
B Berani sebelum terlambat
C Dua orang dan satu perjuangan
D Kawasan kesemakmuran Bersama

(Buku Teks m.s. 59)

- 23 Jerman menggunakan serangan Blitzkrieg bagi menakluki negara di Eropah Barat.

Bagaimanakah serangan tersebut dilakukan?

A Serangan gerila
B Serangan terancang
C Serangan secara kilat
D Serangan berani mati

(Buku Teks m.s. 60)

- 24 Apakah faktor Britain dan Perancis menyertai Perang Dunia Kedua?
- Mempertahankan keselamatan
 - Menguji kekuatan tentera
 - Menguasai bahan mentah
 - Menguji kekuatan ketenteraan

(Buku Teks m.s. 60)

- 25 Mengapakah pemimpin negara berikut mengadakan kerjasama politik semasa Perang Dunia Kedua?

Pemimpin	Jawatan
Franklin Roosevelt	Presiden Amerika Syarikat
Winston Churchill	Perdana Menteri Britain
Joseph Stalin	Presiden Rusia

- Mengalahkan Kuasa Paksi
- Mengukuhkan kekuatan tentera
- Melaksanakan operasi serangan
- Mengatasi kemelesetan ekonomi

(Buku Teks m.s. 62)

- 26 Mengapakah Jerman mengalami kekalahan operasi menawan Rusia dalam Perang Dunia Kedua?

- Kehilangan banyak nyawa tentera
 - Jeneral Jerman mengingkari perintah
 - Kekurangan peralatan senjata perang
 - Taktik peperangan yang tidak berkesan
- I dan II
 - I dan IV
 - II dan III
 - III dan IV

(Buku Teks m.s. 62)

- 27 Maklumat berikut berkaitan dengan operasi tentera Bersekutu dalam Perang Dunia Kedua.

Pada tahun 1944, kuasa Bersekutu telah berjaya dalam operasi pendaratan tentera di Normandy, Perancis.

Apakah operasi yang dilancarkan oleh tentera Bersekutu?

- Kod "D-Day"
- Serangan kilat
- Kod Barbarossa
- Serangan Blitzkrieg

(Buku Teks m.s. 63)

- 28 Bagaimanakah tentera Bersekutu berjaya memperdayakan tentera Jerman pada tahun 1944?

- Memasang poster propaganda
- Mengelirukan tempat pendaratan
- Menyerang dari pelbagai penjuru
- Mengadakan kempen pengampunan

(Buku Teks m.s. 63)

3.4 Perang Dunia Kedua di Asia Pasifik

(Buku Teks m.s. 64 – 67)

- 29 Jadual berikut berkaitan dengan Perang Dunia Kedua di Asia Pasifik.

Tahun	Lokasi Perang Pasifik
1941 – 1945	- Lautan Pasifik - Tanah Besar Asia - Kepulauan Asia Tenggara

Mengapakah berlaku perang tersebut?

- Imperialisme Barat
- Imperialisme Jepun
- Dasar Dekolonisasi
- Dasar Neokolonisasi

(Buku Teks m.s. 64)

- 30 Senarai berikut berkaitan dengan pengenalan dasar luar oleh Jepun.

Orde Baharu Asia

Apakah implikasi pengenalan dasar luar tersebut terhadap kuasa Jepun?

- Menguasai Asia Pasifik
- Menamatkan konflik dunia
- Menamatkan sistem beraja
- Mencapai kemajuan teknologi

(Buku Teks m.s. 64)

- 31 Maklumat berikut berkaitan dengan tindakan kuasa Eropah terhadap Jepun.

British dan Belanda menghalang Jepun daripada memperoleh bahan mentah yang diperlukan untuk industri dan operasi perang.

Bagaimanakah halangan tersebut dilakukan?

- Menaikkan kadar cukai
- Menyekat laluan perairan
- Mengenakan sekatan ekonomi
- Menamatkan kontrak perdagangan

(Buku Teks m.s. 65)

- 32 Jepun telah menandatangani perjanjian dengan Jerman dan Itali untuk menyertai Kuasa Paksi. Apakah perjanjian tersebut?
- Perikatan Nasional
 - Pakatan Bersekutu
 - Pakatan Tiga Negara
 - Perikatan Kuasa Bertiga

(Buku Teks m.s. 65)

- 33 Mengapakah kerajaan Jerman menghantar pakarnya ke Jepun pada abad ke-20-an?
- Membangunkan sistem pakatan ketenteraan
 - Mengkaji serangan terhadap wilayah selatan
 - Membantu industri pembuatan kapal terbang
 - Memperkenalkan teknologi perindustrian Barat
- I dan II
 - I dan IV
 - II dan III
 - III dan IV

(Buku Teks m.s. 65)

- 34 Rundingan di Amerika Syarikat untuk menamatkan sekatan ekonomi terhadap Jepun telah menemui jalan buntu.

Apakah kesan kegagalan rundingan tersebut terhadap Asia Pasifik?

- Mengalami kemelesetan ekonomi
- Menghadapi penguasaan Jepun
- Menyekat aktiviti perdagangan
- Menghadapi ancaman Barat

(Buku Teks m.s. 65)

- 35 Jadual berikut berkaitan dengan serangan Jepun dalam Perang Dunia Kedua.

Tahun	Peristiwa
8 Disember 1941	Jepun menyerang Pearl Harbour, Amerika Syarikat di Pasifik.

Mengapakah Jepun melakukan serangan tersebut?

- Menguasai ekonomi Barat
- Melumpuhkan armada laut
- Mewujudkan keamanan dunia
- Menunjukkan kekuatan teknologi

(Buku Teks m.s. 66)

- 36 Jadual berikut berkaitan dengan Garisan T_{ap}, Antarabangsa, Perang Dunia Kedua di Asia Pasifik.

Masa Tokyo pada 8 Disember 1941	
2:15 pagi	Jepun mendarat di X
3:25 pagi	Jepun menyerang Pearl Harbour, Hawaii
4:00 pagi	Jepun mendarat di Singgora, Thailand

Apakah X?

- Manila, Filipina
- Darwin, Australia
- Kota Bharu, Kelantan
- Pulau Jawa, Indonesia

(Buku Teks m.s. 6)

3.5 Faktor Kedatangan Jepun ke Negara Kita

(Buku Teks m.s. 68 - 69)

- 37 Mengapakah Jepun ingin menguasai Tanah Melayu?
- Memenuhi keperluan ekonomi
 - Kepentingan strategik ketenteraan
 - Menghapuskan sekatan perdagangan
 - Kewujudan perang saudara
- I dan II
 - I dan IV
 - II dan III
 - III dan IV

(Buku Teks m.s. 68)

- 38 Senarai berikut menunjukkan slogan yang digunakan oleh pihak Jepun.

- Semangat Asia
- Asia untuk orang Asia
- Lingkungan Sekemakmuran Asia Timur Raya

Apakah kepentingan slogan tersebut?

- Meluaskan kuasa
- Menyatukan wilayah
- Menyebarkan ideologi
- Menamatkan penjajahan

(Buku Teks m.s. 68)

- 39 Jepun menggunakan poster propaganda berikut di Asia Pasifik.



Apakah tujuan Jepun melancarkan poster propaganda tersebut?

- A Membangkitkan taat setia kepada raja
- B Menonjolkan imej pembela negara Asia
- C Menyebarkan dasar pemodenan industri
- D Menamatkan pergantungan kepada Barat

(Buku Teks m.s. 68)

- 40 Apakah kepentingan Singapura terhadap kuasa Jepun?

- A Menjayakan operasi penaklukan di Pulau Jawa
- B Mara ke bandar utama di Sarawak dan Sabah
- C Laluan menguasai telaga minyak di Sumatera
- D Tanah yang subur untuk aktiviti pertanian

(Buku Teks m.s. 68)

- 41 Tentera Jepun telah menggunakan Thailand untuk mara ke pantai barat Tanah Melayu. Apakah strategi tentera Jepun untuk meneruskan kemaraan tersebut?

- A Berpecah kepada dua pasukan
- B Bertindak secara serangan kilat
- C Bergabung dengan tentera Burma
- D Bekerjasama dengan pasukan British

(Buku Teks m.s. 69)

- 42 Serangan tentera Jepun terhadap Sarawak bermula pada 16 Disember 1941.

Apakah lokasi serangan terawal tentera Jepun di Sarawak?

- A Miri
- B Sibu
- C Bintulu
- D Kuching

(Buku Teks m.s. 69)

3.6 Dasar Pendudukan Jepun di Negara Kita

(Buku Teks m.s. 70 - 73)

- 43 Maklumat berikut berkaitan dengan cara pentadbiran Jepun.

Tanah Melayu digabungkan dengan Sumatera di bawah satu unit pentadbiran pada peringkat awal pendudukan Jepun.

Mengapakah Jepun melakukan penggabungan tersebut?

- A Memudahkan penguasaan ekonomi
- B Menyeragamkan urusan pentadbiran
- C Melaksanakan Sistem Kawalan Khas
- D Membentuk Kawasan Pertahanan Khas

(Buku Teks m.s. 70)

- 44 Apakah faktor penggabungan Pentadbiran Tanah Melayu-Sumatera diasingkan pada April 1944?

- A Terdapat perbezaan sistem politik dan ekonomi
- B Kekurangan pegawai untuk mengawal pentadbiran
- C Kesukaran menyatukan masyarakat pelbagai etnik
- D Tentangan daripada segelintir masyarakat tempatan

(Buku Teks m.s. 70)

- 45 Jadual berikut berkaitan dengan perubahan pentadbiran tentera Jepun di negara kita.

Sebelum Pendudukan Jepun	Selepas Pendudukan Jepun
Tanah Melayu	<i>Malai Baru</i>
Singapura	X

Apakah perubahan X?

- A Shinju
- B Shogun
- C Syonan-to
- D Sankei-Kansai

(Buku Teks m.s. 70)

- 46 Pentadbiran tentera Jepun telah menggabungkan Sarawak, Sabah, dan Brunei di bawah satu unit pentadbiran.

Apakah gelaran bagi pentadbiran baru tersebut?

- A Syonan-to
- B Malai Baru
- C Nippon Go
- D Kita Boruneo

(Buku Teks m.s. 70)

- 47 Gambar berikut merupakan pasukan polis Jepun di Tanah Melayu.



Apakah gelaran pasukan tersebut?

- A Kanggoфу
- B Kamikaze
- C Kempeitai
- D Keisatsukan

(Buku Teks m.s. 70)

- 48 Bagaimanakah reaksi pentadbiran Jepun terhadap Raja-raja Melayu?

- A Dilantik sebagai ketua pentadbiran
- B Diiktiraf sebagai pentadbir pusat
- C Dikawal oleh Maharaja Jepun
- D Diberikan bayaran pencen

(Buku Teks m.s. 71)

- 49 Mengapakah tentera Jepun memberi peluang kenaikan pangkat kepada pemimpin tempatan yang berpendidikan tinggi?

- I Menjimatkan kos perbelanjaan
- II Mengatasi kekurangan pegawai
- III Mendapatkan sokongan penduduk
- IV Mengetahui selok-belok pentadbiran

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

(Buku Teks m.s. 71)

- 50 Jawatankuasa Penyelidikan Bahan diperkenalkan oleh Jepun di Tanah Melayu.

Apakah peranan jawatankuasa tersebut?

- A Memperkenalkan mata wang Jepun
- B Mengawal selia pelupusan barangan
- C Melaksanakan sistem ekonomi kawalan
- D Membuat penyelidikan pengeluaran makanan

(Buku Teks m.s. 71)

- 51 Pernyataan berikut berkaitan dengan rancangan pentadbiran Jepun di negara kita.

- Membangunkan industri tempatan
- Memastikan penggunaan optimum daripada peralatan dan kemudahan sedia ada

Apakah rancangan tersebut?

- A Rancangan Ekonomi Baru
- B Rancangan Pembangunan Negara
- C Rancangan Perindustrian Lima Tahun
- D Rancangan Pembangunan Jangka Pendek

(Buku Teks m.s. 71)

- 52 Apakah kesan pengenalan mata wang Jepun berikut terhadap Tanah Melayu?



- A Berlaku inflasi
- B Masalah pengangguran
- C Kejatuhan harga barang
- D Mata wang tempatan terjejas

(Buku Teks m.s. 71)

- 53 Sistem persekolahan Jepun diperkenalkan di Tanah Melayu.

Apakah matlamat sistem persekolahan tersebut?

- I Mengasah bakat
- II Meningkatkan disiplin
- III Mencapai teknologi industri
- IV Meningkatkan semangat patriotik

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

(Buku Teks m.s. 71)

- 54 Tentera Jepun mengamalkan sikap menghormati agama Islam dan adat Melayu.

Apakah bukti untuk menyokong pernyataan tersebut?

- I Majlis Agama Negeri dibentuk
- II Kelas pengajian agama diteruskan
- III Mufti dilantik sebagai ketua agama
- IV Pejabat Agama Islam diiktiraf

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

(Buku Teks m.s. 71)

- 55 Tanah Melayu mengalami kemerosotan ekonomi semasa pentadbiran tentera Jepun. Bagaimanakah pentadbiran Jepun mengatasi masalah tersebut?

A Melahirkan sekatan ekonomi
B Melaksanakan ekonomi dagangan
C Membuka tanah secara besar-besaran
D Memperkenalkan sistem ekonomi kawalan

(Buku Teks m.s. 71)

- 56 Jepun telah melaksanakan catuan makanan untuk mengawal penjualan makanan di Tanah Melayu.

Apakah makanan yang terlibat?

I Beras
II Kopi
III Tepung
IV Garam
A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

(Buku Teks m.s. 72)

- 57 Pentadbiran tentera Jepun telah memperkenalkan kempen berikut di Tanah Melayu.

“Tambah Lebih Banyak Makanan”

Apakah kesan kempen tersebut terhadap penduduk tempatan?

A Kreatif dalam kehidupan
B Kadar kematian meningkat
C Kelangsungan hidup terjejas
D Kekurangan sumber makanan

(Buku Teks m.s. 72)

- 58 Tentera Jepun memberi layanan baik terhadap orang India di Tanah Melayu.

Apakah tipu muslihat Jepun terhadap layanan tersebut?

A Membantu menjadi buruh binaan
B Merancang menguasai negara India
C Mendapatkan sokongan orang India
D Mengelak penentangan terhadap Jepun

(Buku Teks m.s. 73)

- 59 Tentera Jepun telah mengenakan hukuman terhadap orang Cina di Tanah Melayu.

Apakah hukuman tersebut?

A Dijadikan tawanan perang
B Membayar sejumlah wang
C Memulihkan ekonomi negara
D Dihantar balik ke negara asal

(Buku Teks m.s. 73)

- 60 Karya berikut adalah hasil nukilan Ahmad Murad Nasaruddin.



Apakah mesej yang ingin disampaikan oleh penulis?

A Semangat wira pemuda
B Kekejaman tentera Jepun
C Bantahan golongan wanita
D Strategi menentang penjajah

(Buku Teks m.s. 73)

3.7 Perjuangan Rakyat Menentang Pendudukan Jepun (Buku Teks m.s. 74 – 79)

- 61 Tokoh berikut banyak memberi sumbangan terhadap perkembangan nasionalisme di negara kita.



Leftenan Adnan Saidi
Ditta MC



Leftenan Ibrahim Alla

Apakah sumbangan tokoh tersebut?

A Bertempur dengan British
B Berjuang menentang Jepun
C Bekerjasama dengan komunis
D Bersatu menuntut kemerdekaan

(Buku Teks m.s. 74)

- 62 Pasukan keselamatan Tanah Melayu telah menentang pendaratan tentera Jepun di Kelantan. Apakah pasukan keselamatan tersebut?
- Polis Hutan
 - Auxiliary Police
 - Rejimen Askar Melayu
 - Pasukan askar Komanwel

(Buku Teks m.s. 74)

- 63 Maklumat berikut berkaitan dengan sebuah pertubuhan yang menentang tentera Jepun di Tanah Melayu.

• Tentera Jepun memberi layanan yang kejam

• Bersetuju mewujudkan pasukan sukarela yang dilatih oleh British.

Apakah pertubuhan tersebut?

- RUKUN 13
- PUTERA
- MPAJA
- BATAS

(Buku Teks m.s. 75)

- 64 Sekolah Latihan Khas ditubuhkan di Singapura. Apakah peranan sekolah tersebut?

- Menjalankan kerja sabotaj
- Memenangi hati penduduk
- Menentang ancaman komunis
- Melakukan serangan terhadap Jepun

- I dan II
- I dan IV
- II dan III
- III dan IV

(Buku Teks m.s. 75)

- 65 Maklumat berikut berkaitan dengan tindakan Jepun di Tanah Melayu.

Gerakan anti-Jepun yang semakin meningkat mendorong kuasa Jepun menggunakan pasukan tentera atau polis yang dianggotai oleh orang Melayu untuk menentang MPAJA.

Apakah kesan tindakan tersebut terhadap Tanah Melayu?

- Mengeratkan kerjasama masyarakat
- Memperoleh tuntutan kemerdekaan
- Menimbulkan ketegangan kaum
- Meningkatkan serangan gerila

(Buku Teks m.s. 75)

- 66 Sebuah perjanjian kerjasama antara MPAJA dan Force 136 telah dilaksanakan. Apakah kepentingan perjanjian tersebut terhadap gerakan MPAJA?

- Menyekat pergerakan tentera Jepun
- Mengatasi sabotaj daripada komunis
- Mendapat kerjasama daripada gerila
- Memperoleh bantuan senjata daripada British

(Buku Teks m.s. 75)

- 67 Kapal selam berikut digunakan untuk membawa anggota Force 136 dari India dan Sri Lanka ke Tanah Melayu.



Apakah tujuan anggota Force 136 dibawa ke Tanah Melayu?

- Memberi bantuan bencana alam
- Mengatasi kekurangan tenaga buruh
- Mendapatkan sokongan orang Melayu
- Mengatasi masalah pembentukan MPAJA

(Buku Teks m.s. 75)

- 68 Pilih jawapan yang **tepat** berkaitan dengan sumbangan pasukan berikut.

	Pasukan	Kejayaan
A	Force 136 Ulu Perak	Membentuk gerila Melayu Perak
B	Force 136 Kedah	Menubuhkan Askar Melayu Setia
C	Force 136 Pahang	Membentuk Wataniah Pahang
D	Force 136-MPAJA	Menubuhkan Rejimen Askar Melayu

(Buku Teks m.s. 75)

- 69 Tokoh berikut mendapat gelaran nama "Harimau Malaya".

Tengku Mahmood Mahyidden

Mengapakah gelaran tersebut diberi pada beliau?

- A Mengelolakan siaran radio dari India
- B Menubuhkan pasukan gerila anti-Jepun
- C Melancarkan serangan kilat terhadap Jepun
- D Menubuhkan pasukan tentera darat Malaya

(Buku Teks m.s. 76)

- 70 Gerakan berikut telah bekerjasama untuk menentang Jepun.

• Force 136

• Pertubuhan gerila Melayu

Bagaimanakah gerakan tersebut melancarkan penentangan terhadap Jepun?

- I Membentuk unit khas
 - II Membuat rondaan di hutan
 - III Menyebarkan propaganda
 - IV Melancarkan Operasi Zipper
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

(Buku Teks m.s. 77)

- 71 Nama samaran "Lion of Malaya" digunakan sebagai propaganda menentang Jepun. Siapakah tokoh yang menggunakan nama samaran tersebut?

- A Alberk Kwok
- B Sybil Kathigasu
- C Gurchan Singh
- D Dr. Abdon Clement

(Buku Teks m.s. 78)

- 72 Bagaimanakah Gurchan Singh melakukan penentangan terhadap pendudukan Jepun?

- A Membina kubu
- B Mengedarkan risalah
- C Menyertai tentera British
- D Menubuhkan pasukan perisik

(Buku Teks m.s. 78)

- 73 Mengapakah tokoh berikut mendapat anugerah Pingat King George daripada Raja George VI?



Sybil Kathigasu

- A Kejayaan menghasilkan pelbagai karya
- B Keberanian menentang pendudukan Jepun
- C Sumbangan mengendalikan klinik kesihatan
- D Semangat mempertahankan ancaman komunis

(Buku Teks m.s. 78)

- 74 Apakah bentuk sumbangan Sybil Kathigasu?

- I Melatih masyarakat tempatan
 - II Menyediakan bekalan makanan
 - III Memberi perkhidmatan perubatan
 - IV Menyebarkan maklumat operasi Jepun
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

(Buku Teks m.s. 78)

- 75 Maklumat berikut berkaitan dengan penentangan Jepun di Sarawak.

Pihak Terlibat	Peristiwa
Unit Khas Z Australia	Melancarkan siri operasi peninjauan bagi menentang Jepun di Sarawak.

Apakah operasi tersebut?

- A Operasi Gerila
- B Operasi Zipper
- C Operasi Semut
- D Operasi Barbarossa

(Buku Teks m.s. 79)

- 76 Rajah berikut berkaitan dengan Operasi Semut di Sarawak.



Apakah faktor mereka dipilih menjadi rekrut tersebut?

- A Memiliki semangat juang yang tinggi
- B Mengetahui selok-belok bumi Sarawak
- C Mempunyai kemahiran membuat senjata
- D Mendapat latihan ketenteraan di Singapura

(Buku Teks m.s. 79)

- 77 Maklumat berikut berkaitan dengan pemberontakan di Jesselton, Sabah pada abad ke-20.

Pemberontakan *Double Tenth*

Mengapakah pemberontakan tersebut berlaku?

- A Serangan lanun
- B Penjajahan British
- C Ancaman komunis
- D Pendudukan Jepun

(Buku Teks m.s. 79)

- 78 Peristiwa berikut berkaitan dengan gerakan anti-Jepun di Sabah.

Tahun	Oktober 1943
Peristiwa	Gerila Kinabalu telah melancarkan serangan terhadap pejabat pentadbiran, balai polis dan kemudahan Tentera Diraja Jepun serta membunuh tentera Jepun.

Apakah lokasi peristiwa tersebut?

- I Labuan
 - II Menggatal
 - III Kota Belud
 - IV Sandakan
- A I dan II C II dan III
B I dan IV D III dan IV

(Buku Teks m.s. 79)

3.8 Perkembangan Gerakan Nasionalisme Tempatan dan Pendudukan Jepun

(Buku Teks m.s. 80 - 81)

- 79 Maklumat berikut berkaitan dengan perjuangan pertubuhan Melayu pada tahun 1930-an.

Pertubuhan	Strategi Perjuangan
Kesatuan Melayu Muda (KMM)	Bekerjasama dengan Jepun

Mengapakah KMM melaksanakan strategi tersebut?

- A Memperoleh kemerdekaan
- B Menyekat pengaruh komunis
- C Mendapatkan petempatan khas
- D Menghalang kemasukan imigran

(Buku Teks m.s. 80)

- 80 Apakah tujuan Kesatuan Melayu Muda menyertai organisasi ketenteraan Jepun berikut?

- Giyu Gun
 - Giyu Tai

- A Menentang komunis
- B Melicinkan pentadbiran
- C Mengawal keselamatan
- D Mendapatkan kemerdekaan

(Buku Teks m.s. 81)

- 81 Mengapakah pertubuhan berikut gagal mencapai kemerdekaan Tanah Melayu?

Kesatuan Rakyat Indonesia Semenanjung (KRIS)

- A Tentera Jepun telah menyerah kalah
- B Tiada sokongan daripada pemimpin Melayu
- C Ditentang oleh golongan Melayu radikal
- D Perluasan pengaruh komunis di serantau

(Buku Teks m.s. 81)

- 82 Bagaimanakah tentera Jepun mengawal kegiatan penduduk di Sarawak?

- A Menangkap pemimpin tempatan
- B Mengadakan catuan makanan
- C Menaja penubuhan persatuan
- D Memperkenalkan pelbagai cukai

(Buku Teks m.s. 81)

- 83 Persatuan Cina Seberang Laut anjuran Jepun telah digabungkan.
Apakah gelaran gabungan tersebut?
A *Kimigayo* C *Nippon Seishin*
B *Kakeo Kokokai* D *Hakko Ichiu*
(Buku Teks m.s. 81)

- 84 Pemimpin tempatan berikut dilantik menjadi Pegawai Daerah pada zaman pemerintahan Jepun di Sarawak.

Pegawai Daerah	Kawasan
Abang Haji Openg	Kuching
Empenit Adam	Simanggang
Satem	Lawas

- Apakah kesan pemberian jawatan tersebut kepada penduduk tempatan?
A Bersatu menyokong pemerintahan Jepun
B Bekerjasama menentang tentera Jepun
C Berkeyakinan untuk berkerajaan sendiri
D Berusaha memenangi hati penduduk
(Buku Teks m.s. 81)

- 85 Parti politik berikut ditubuhkan di Sabah semasa pendudukan Jepun.

- Parti Kebangsaan Melayu Labuan
- Parti Kebangsaan Melayu Tawau

- Apakah faktor penubuhan parti tersebut?
A Menjalankan sabotaj terhadap tentera Jepun
B Menentang penyerahan Sabah kepada British
C Mengukuhkan penentangan terhadap komunis
D Memperoleh kesedaran berpolitik oleh Jepun
(Buku Teks m.s. 81)

3.9 Keadaan Negara selepas Kekalahan Jepun

(Buku Teks m.s. 82 – 85)

- 86 Jepun menyerang tanah jajahan kuasa Barat di Asia dalam Perang Dunia Kedua.
Apakah tindakan kuasa Barat untuk menghalang kemaraan Jepun?
A Menaja kegiatan subversif
B Melakukan serangan bom atom
C Membentuk pertubuhan serantau
D Mengisytiharkan dasar bumi hangus
(Buku Teks m.s. 81 – 82)

- 87 Mengapakah Amerika Syarikat melakukan pengeboman berikut ketika Perang Dunia Kedua?

Tarikh	Peristiwa
6 Ogos 1945	Pengeboman Hiroshima
8 Ogos 1945	Pengeboman Nagasaki

- A Kekuatan Kuasa Paksi bertambah
B Keadaan ekonomi makin merosot
C Keinginan menguji kekuatan senjata
D Kegiatan menamatkan perang dunia
(Buku Teks m.s. 82 – 83)

- 88 Apakah bom atom yang digugurkan di bandar Hiroshima dan Nagasaki oleh Amerika Syarikat?

- I Fat Man
II The Girl
III My Dear
IV Little Boy
A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV
(Buku Teks m.s. 82)

- 89 Apakah tindakan maharaja Jepun berikut setelah peristiwa pengeboman di bandar utama Jepun dalam Perang Dunia Kedua.



Maharaja Hirohito

- A Menamatkan pentadbiran tentera
B Mengumumkan penyerahan kalah
C Menandatangani surat serah kuasa
D Meletak jawatan sebagai pemerintah
(Buku Teks m.s. 82)

90 Mengapakah British mengambil masa selepas tiga minggu untuk mendarat semula di Tanah Melayu?

- A Menghadapi penentangan daripada Bintang Tiga
- B Mengalami masalah kewangan selepas perang
- C Menamatkan peperangan dengan Kuasa Paksi
- D Melalui upacara penyerahan kalah tentera Jepun

(Buku Teks m.s. 83)

91 Apakah lokasi pendaratan pertama British selepas Jepun menyerah kalah?

- A Pulau Pinang
- B Singapura
- C Selangor
- D Kelantan

(Buku Teks m.s. 83)

92 Apakah persamaan peranan tokoh berikut?

Nama	Jawatan
Lord Louis Mountbatten	Pemerintah Tertinggi Tentera Bersekutu di Asia Tenggara
Leftenan Jeneral Seishiro Itagaki	Pemerintah Tertinggi Tentera Ekspedisi Jepun Wilayah Selatan

- A Mengatur strategi peperangan di Asia Tenggara
- B Mencetuskan Perang Dunia Kedua di Asia Pasifik
- C Menandatangani pernyataan penyerahan kalah Jepun
- D Menyertai Persidangan Damai menamatkan peperangan

(Buku Teks m.s. 83)

93 Tentera British mengalami kelewatan untuk mendarat semula ke Tanah Melayu selepas Jepun menyerah kalah.

Apakah implikasi daripada kelewatan tersebut?

- A Ketegangan antara kaum
- B Penguasaan Bintang Tiga
- C Kemerosotan kuasa sultan
- D Penyebaran pengaruh MPAJA

(Buku Teks m.s. 84)

94 Peristiwa berikut berkaitan dengan penyerahan kalah tentera Jepun.

Tahun	11 September 1945
Peristiwa	Mejar Jeneral Hiyoe Yamamoto telah menyerah kalah kepada tentera Bersekutu di Kuching, Sarawak

Di manakah peristiwa tersebut berlaku?

- A Di Surrender Point, Sarawak
- B Di atas kapal perang Repulse
- C Di Pejabat Tempatan Ketua Adat
- D Di atas kapal Tentera Laut Australia

(Buku Teks m.s. 84)

95 Antara berikut, yang manakah tindakan Bintang Tiga selepas menguasai Tanah Melayu?

- I Menjalankan undang-undang sendiri
 - II Menubuhkan sebuah mahkamah
 - III Menguasai sektor perindustrian
 - IV Membatalkan pendaftaran persatuan
- A I dan II C II dan III
B I dan IV D III dan IV

(Buku Teks m.s. 84)

96 Maklumat berikut berkaitan dengan realiti Bintang Tiga dalam urusan keagamaan di Tanah Melayu.

Membuat gangguan di surau dan masjid.

Bagaimanakah orang Melayu mengatasi gangguan tersebut?

- A Membentuk Gerakan Fi-Sabilillah
- B Melantik Khalifah Parang Panjang
- C Menubuhkan Pusat Kegiatan Islam
- D Memperkenalkan strategi Giyu Gun

(Buku Teks m.s. 84)

97 Mengapakah Haji Salleh Abdul Karim menubuhkan pasukan berikut di Johor?

Pasukan Tentera Selempang Merah

- A Mengukuhkan keselamatan rakyat
- B Mengatasi pemberontakan kaum
- C Memulihkan ekonomi masyarakat
- D Menentang ancaman Bintang Tiga

(Buku Teks m.s. 85)

98 Sultan Ibrahim telah melantik Dato' Onn Jaafar sebagai Pegawai Daerah Batu Pahat pada tahun 1945.

Apakah peranan utama Dato' Onn Jaafar?

- I Memulihkan keamanan
- II Menyatukan penduduk
- III Menuntut kemerdekaan
- IV Menamatkan kekacauan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

(Buku Teks m.s. 85)

99 Bagaimanakah Sultan Abdul Aziz menyelesaikan pergaduhan kaum di Perak yang dicetuskan oleh Bintang Tiga?

- A Membina balai polis
- B Mengedarkan risalah
- C Mengadakan lawatan
- D Melakukan tangkapan

(Buku Teks m.s. 85)

100 Tentera Australia mengenakan perintah berkurung di Kuching selepas Jepun menyerah kalah.

Mengapakah perintah tersebut dilaksanakan?

- A Mengatasi pemusuhan antara bekas gerila
- B Mengelakkan orang Cina membantu Jepun
- C Menghalang pertumpahan darah antara kaum
- D Menamatkan pertelingkahan antara pembesar Melayu

(Buku Teks m.s. 85)